

13 AUG 1997

TV3

SIARAN 24 JAM TV3 DIMULAKAN 31 OGOS

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) hari ini menyatakan bahawa ia tidak melihat apa-apa halangan besar untuk memulakan siaran 24 jam mulai 31 Ogos ini, kata Pengarah Urusannya, Datuk Haji Zahari Omar.

Masa siaran tambahan ini juga akan membolehkan TV3 menghasilkan program-program tambahan yang pada masa ini tidak boleh dilakukan kerana waktu siaran yang terhad walaupun TV3 mempunyai keupayaan untuk menerbitkannya," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Bagaimanapun, butir-butir mengenai program yang akan disiarkan pada waktu siaran tambahan ini akan diumumkan tidak lama lagi, kata beliau.

Zahari mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan kerana memberi kelulusan itu.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat hari ini mengumumkan keputusan kerajaan memberi kelulusan kepada TV3 untuk mengadakan perkhidmatan dan siaran 24 jam selaras dengan hasrat kerajaan untuk meluaskan penyebaran maklumat kepada rakyat.

Zahari berkata masa siaran tambahan dari hari Isnin hingga Jumaat adalah dari pukul 1 pagi hingga 6 pagi sementara pada hari Sabtu dan Ahad masa siaran tambahan adalah dari pukul 2 pagi hingga 6 pagi.

"Masa siaran tambahan ini akan memberi manfaat kepada penonton kerana mereka boleh mengikuti perkembangan yang berlaku antara pukul 1 pagi hingga 6 pagi," katanya.

Beliau berkata dengan kelulusan ini TV3 dapat meneruskan usahanya untuk menyediakan maklumat terkini kepada rakyat Malaysia.

Sementara itu, Pengurus Besar Perhubungan Korporat dan Pentadbiran TV3, Ahmat Abdul Wahab berkata Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telah memberikan hak kepada TV3 untuk menyiarkan acara dan kejohanan bola sepak dalam dan luar negeri.

Hak itu diberikan kepada TV3 ketika ia menandatangani Perjanjian Pemerolehan Hak dengan FAM pada Jun 1995, katanya dalam satu kenyataan.

"Menurut perjanjian itu, FAM akan berusaha melindungi dan mengekalkan hak luar negeri itu yang diberikan kepada TV3," katanya.

Siaran perlawanan bola sepak menjadi isu apabila Astro mendapat hak eksklusif siaran perlawanan bola sepak Liga Perdana Inggeris dan perlawanan pra Piala Dunia.

Kenyataan TV3 itu dikeluarkan berikutan pengumuman Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat bahawa Astro pada dasarnya bersetuju untuk berkongsi hak dengan TV2 bagi menyiarkan perlawanan bola sepak Liga Inggeris dan program bola sepak yang lain secara langsung atau tertangguh mulai 1 Sept.

Ahmat berkata pada Februari dan Mac tahun ini, TV3 mengadakan rundingan dengan CSI (Communications Services International) untuk pembaharuan pakej bola sepak luar negeri termasuk Liga Perdana Inggeris.

Bagaimanapun, beliau tidak menyebut keputusan perbincangan itu.

-- BERNAMA

ARA AR AKD